



## Nik Mohd Shahiddan Mohd Zain

→ **Umur:** 25 tahun  
 → **Tarikh lahir:** 13 Mac 1993  
 → **Tempat lahir:** Besut, Terengganu  
 → **Kedudukan dalam keluarga:** Anak sulung daripada tujuh adik-beradik  
 → **Cita-cita:** Guru  
 → **Antara pencapaian:** Pingat emas KL2017 Johan Pertandingan Ragbi Super 8 2017 Mara ke suku akhir World University Games 2017



# Nik Mohd Shahiddan bantu ragbi negara raih emas

Oleh **Nor Azma Laila**  
 norazma@bh.com.my

▸ **Serdang**

**A**tlet ragbi negara, Nik Mohd Shahiddan Mohd Zain, mula berkecimpung dalam bidang sukan terbahit ketika berusia 10 tahun selepas bakatnya dicungkil oleh jurulatih merangkap Guru Besar Sekolah Kebangsaan (SK) Alor Peroi, Besut ketika itu.

Pembabitan itu diteruskan apabila memasuki pendidikan menengah di Sekolah Sukan Tunku Mahkota Ismail, Johor, sebelum dipilih membarisi pasukan ragbi Universiti Putra Malaysia (UPM) sebaik sahaja melangkah ke dunia kampus.

Kegigihan dan komitmen tinggi menyaksikan mahasiswa semester akhir Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Pendidikan Jasmani) itu antara lain berjaya membantu

pasukan negara merangkul pingat emas pada temasya Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 (KL2017).

Selain itu, beliau turut membantu pasukannya untuk muncul johan pada Pertandingan Ragbi Super 8, tahun lalu dan mara ke peringkat suku akhir World University Games 2017.

### Sertai sesi pemilihan

"Sejak awal pembabitan, saya memang bermain di posisi *forward*."

"Saya berpendapat bahawa setiap pemain memainkan peranan masing-masing tanpa kira posisi kerana yang paling penting ialah kerjasama dan semangat berpasukan," katanya ketika ditemui di sini.

Berkongsi pengalaman dalam skuad kebangsaan, penyertaan anak sulung daripada tujuh adik-beradik itu pada KL2017 adalah yang julung kali selepas terpaksa

menolak peluang sama pada 2015 demi memberi tumpuan terhadap bidang pengajian.

"Saya terpaksa menolak tawaran beraksi pada Sukan SEA 2015 di Singapura kerana tidak mahu menanguhkan pengajian selama dua semester."

"Begitupun, saya membuat keputusan menyertai sesi pemilihan untuk pasukan ragbi kebangsaan KL2017 kerana percaya bahawa peluang sama tidak datang banyak kali."

"Tambahan pula, temasya sukan kali ini berlangsung di Kuala Lumpur dan saya tidak perlu menanguhkan pengajian untuk tempoh lama, iaitu cuma satu semester," katanya.

### Tempuhi cabaran

Sesi pemilihan dilalui juga bukan mudah, sebaliknya Nik Mohd Shahiddan perlu bersaing dengan 19 lagi pemain untuk melayakkan

diri ke dalam skuad kebangsaan.

Selain itu, menjalani sesi latihan setiap hari kecuali Sabtu dan Ahad, bermula jam 9.30 pagi hingga 12 tengah hari dan 5 petang hingga 7 malam.

Sepanjang setahun mengikuti sesi latihan skuad kebangsaan KL2017, beliau tidak menafikan menempuhi pelbagai cabaran berikutan harapan amat tinggi diletakkan terhadap pasukan untuk membolot pingat emas ragbi negara di arena Sukan SEA.

"Saya bersyukur berkat kerja keras dan kerjasama pasukan serta semua pihak, kami berjaya menyumbangkan pingat emas kepada negara pada KL2017."

"Kini, saya menyertai sesi latihan untuk pemilihan skuad kebangsaan ke Sukan Komanwel pada April dan Sukan Asia Ogos depan," katanya.